

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : ISU MEMORANDUM OF TRANSFER (MOT) BANDAR PUTRA
PERDANA**

241. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi membantu penduduk terkesan di Bandar Putra Perdana akibat isu MOT yang tidak berkesudahan ini?
- b) Berapa banyak kawasan lain di Dengkil yang mempunyai isu MOT dalam pemantauan dan tindakan pihak Kerajaan Negeri? Mohon disenaraikan.

JAWAPAN:

- a) Isu MOT merupakan urusan di antara pembeli dan pemaju. Dalam kes Putra Perdana, pemaju bertanggungjawab iaitu Metro Tegas Sdn. Bhd. Dan Kenshine Sdn. Bhd. telah diisytiharkan muflis oleh Mahkamah. Seterusnya, Rimbun Capital dan Ler Lum telah dilantik sebagai liquidator yang turut bertanggungjawab untuk menyelesaikan isu MOT. PDT Sepang bagaimanapun sehingga kini masih belum menerima permohonan MOT daripada kedua-dua liquidator tersebut.
- b) Untuk makluman, terdapat enam (6) kawasan di Mukim Dengkil iaitu lima (5) kawasan di Putra Perdana yang masih berstatus hakmilik blok dan satu (1) kawasan di Taman Tasih Puchong yang mana hakmilik individu telah dikeluarkan di atas nama pemilik tanah, yang sedang dalam proses menyelesaikan MOT kepada pembeli. Senarai kawasan berkaitan adalah seperti berikut:

1. Sebahagian Taman Putra Perdana :

Bil.	Hakmilik	Butiran	Tunggakan
1.	PN 39255 Lot 14006 (Plot G)	(Hakmilik Atas Nama Continental Height) - 96.934 ekar (70,817.16 meter persegi) - 330 unit Pangsapuri Teratai (9 blok telah siap dan siap diduduki. - 560 unit Pangsapuri Seroja (8 blok telah siap dan siap	RM 146,596.50

		<p>diduduki.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sebahagian kolam takungan air. (terdapat pindaan pelan Tataatur pada 31/12/2003) - 192 unit, Lot perniagaan - Rumah sesebuah - Sekolah Kebangsaan 	
2.	PN 39257 Lot 14008 (Plot I)	<p>(Hakmilik Atas Nama PNSB)</p> <ul style="list-style-type: none"> - 330 unit Pangsapuri Anggerik (5 blok telah siap diduduki) - 170 unit Pangsapuri Semarak (4 blok telah siap dan diduduki) - 1,000 unit Pangsapuri Siantan (11 blok telah siap diduduki) - SRA Taman Putra Perdana - Dewan Putra Perdana - Surau As Sakinah - Rumah Kedai (siap dan diduduki) - Sebahagian kolam takungan air 	RM 61,186.00
3.	PN 39258 Lot 14009 (Plot J)	(Hakmilik Atas Nama PNSB)	Telah Dijelaskan
4.	PN 39259 Lot 14010 (Plot K)	<p>(Hakmilik Atas Nama PNSB)</p> <ul style="list-style-type: none"> - 820 unit Pangsapuri Kenanga (16 blok telah siap dan dududuki) - 505 unit Pangsapuri Kekwa (16 blok telah siap dan diduduki) - 620 unit Pangsapuri Kiambang(12 blok telah siap dan diduduki) - Alpha Arena (90 unit kedai dan 576 unit apartment) - Rumah Kedai Jalan 5 (68 unit kedai dan 408 unit apartment) - Masjid - Tangki Air - Sebahagian tangka rawatan najis - Rezab kolam takungan air - Plot perniagaan (tidak dibina) 	RM 61,381.20

5.	PN 39260 Lot 14008 (Plot L)	(Hakmilik Atas Nama PNSB) - 180 unit cluster 3 - 183 unit IT Dayana - 203 unit IT Admiral 1 - 120 unit IT Admiral 2 - 115 unit IT Mewah - 480 unit Pangsapuri Dahlia - Sek. Keb. Putra Perdana - Sek. Men. Keb. Putra Perdana - Kompleks Penjaja - Balairaya - Tangki Air - Gerai - TLK (Futsal)	RM 426.60/unit
----	-----------------------------------	---	----------------

2. Sebahagian Taman Tasik Puchong :

Bil.	Hakmilik	Butiran	Tunggakan
1.	Taman Tasik Puchong	(Hakmilik Atas Nama PSKS) - Projek usaha sama PNSB dengan pemaju Azam Perspektif Sdn. Bhd. Lot merupakan tapak bekas RPKR yang telah dibatalkan dan diganti/didirikan 144 unit <i>cluster</i> . - Baru selesai pindah milik Master Title kepada hakmilik individu no. daftar terkini adalah PN 91587 hingga 91730 / Lot 45166 hingga 45394 - MOT sedang dilaksanakan	RM 426.60/unit

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : KEBOCORAN DAN KEROSAKAN PAIP

242. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah anggaran kehilangan hasil akibat kebocoran dan kerosakan paip air?
- b) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah tersebut dan jumlah perbelanjaan yang telah dibuat setakat ini?

JAWAPAN:

- a) Anggaran kehilangan air akibat dari kebocoran dan kerosakan paip air adalah sebanyak 1,125 Juta Liter Sehari (JLH) bersamaan 75% daripada jumlah keseluruhan NRW sebanyak 1,500 JLH. Berdasarkan kadar "Water purchase cost" pada RM1.10/m³, kiraan anggaran kehilangan hasil (RM) adalah seperti berikut:

$$=1,125,000 \text{ m}^3/\text{hari} \times 365 \text{ hari} \times \text{RM}1.10/\text{m}^3$$

$$=\text{RM}451.7 \text{ juta setahun.}$$

- b) Langkah dan inisiatif yang diambil oleh Air Selangor bagi mengurangkan kes kebocoran dan kerosakan paip air adalah melalui pelaksanaan program berikut :-
 - i) Program Pengesanan Kebocoran Aktif ("Active Leakage Detection");
 - ii) Pembentukan Zon Permeteran Daerah ("District Metering Zone");
 - iii) Pembentukan Kawasan Imbangan Air (Water Balance Area) & Pengurusan Tekanan Air;
 - iv) Penggantian Paip Air Lama & Kritikal;
 - v) Penggantian paip komunikasi;
 - vi) *Pressure Transient Monitoring*.

Jumlah perbelanjaan tahunan yang diperuntukkan dalam tahun 2018 untuk melaksanakan program-program berkaitan NRW adalah sebanyak RM 286.8 Juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : SUKAN

243. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program sukan terkini untuk anak muda dan belia yang telah dijalankan oleh kerajaan di Selangor?
- b) Apakah ada rancangan pembinaan kompleks sukan lengkap seperti kelab rakan muda di Kawasan Semenyih bagi menjadikan semenyih sebagai tumpuan rekreasi anak muda?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan sentiasa menitikberatkan aspek pembangunan generasi muda dan sukan dalam usaha untuk melahirkan generasi muda yang aktif, sihat dan berdaya saing sebagai agen penggerak kepada pembangunan Negeri pada masa akan datang. Sehubungan itu, sukan merupakan salah satu teras yang terkandung dalam Dasar Belia Selangor dan sering mendapat sambutan daripada golongan generasi muda dalam usaha untuk melahirkan generasi muda yang sihat, aktif, proaktif dan mempunyai semangat kesukanan yang tinggi.

Justeru itu, Program Pesta Sukan Gen-S 2018 di Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor 2018 merupakan salah satu program kerjasama dengan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mana Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM20,000.00 kepada setiap PBT dengan jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM240,000.00 untuk menganjurkan program ini. Melalui penganjuran tersebut, sebanyak 12 PBT telah menyahut seruan dan berjaya melaksanakannya di peringkat PBT masing-masing dan akan menyertai Program Grand Finale Selangor Plus 2018 akan datang. Sebanyak 4 jenis sukan yang akan dipertandingkan iaitu futsal, bola jaring, bola keranjang dan sepak takraw. Dengan adanya penyertaan yang menyeluruh daripada pelbagai lapisan masyarakat, ianya akan memberi satu kekuatan dan sokongan kepada Kerajaan Negeri untuk meneruskan program ini pada tahun 2018 di samping dapat mengembangkan dan mengetengahkan bakat-bakat baru ke peringkat lebih tinggi.

Seterusnya, Program Grand Finale Liga Sukan Selangor Plus 2018 telah dirancang dan akan diadakan pada 24 hingga 25 November 2018 bertempat di Kompleks Sukan Matshushita Seksyen 20, Shah Alam yang mampu untuk menarik lebih ramai penglibatan daripada generasi muda dari pelbagai lapisan masyarakat.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga menganjurkan Program sukan untuk generasi muda di Selangor adalah sebagaimana berikut :-

- i. Program Larian Menjunjung Kasih
 - Program ini memberi peluang kepada generasi muda di Negeri Selangor untuk menonjolkan bakat dengan aktiviti kesukanan mengikut *trend* terkini di samping menghidupkan rasa kasih dan peduli generasi muda kepada Institusi Kesultanan di Negeri Selangor.
- ii. Program Le Tour De Selangor
 - Program ini telah diadakan secara 5 peringkat di seluruh daerah di Negeri Selangor dengan jarak perlumbaan keseluruhan sebanyak 648.6 km.
 - Penyertaan adalah terbuka kepada semua Ahli Gabungan Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia termasuk pasukan-pasukan dari Majlis Sukan Negeri Selangor dan pasukan jemputan Luar Negara.
- iii. Program Malaysia Women Marathon 2018
 - Program Malaysia Womens Marathon (MWM) 2018 ini adalah merupakan sebuah program yang berprestij tinggi bagi mengangkat Negeri Selangor menjadi negeri yang maju berteraskan komponen pembangunan wanita dan juga komponen aktiviti kesihatan yang memberi impak positif kepada masyarakat. Program ini dijangka akan menghimpunkan sekurang-kurangnya enam (6) ribu peserta daripada antarabangsa dan domestik.
- iv. Program Sambutan Hari Sukan Negara 2018 Peringkat Negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor
 - Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan Program Sambutan Hari Sukan Negara 2018 Peringkat Negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor pada 13 Oktober 2018 (Sabtu) bertempat di Taman Botani Negara, Shah Alam, Selangor.

- v. Program Selangor International Youth and Extreme Festival 2018 (SIY2018)
- Penganjuran Program SIY2018 ini merupakan satu tanggungjawab sosial Kerajaan Negeri untuk mempromosikan aktiviti-aktiviti menarik khususnya berkaitan dengan riadah dan kesukanan kepada seluruh generasi muda di Negeri Selangor.
- b) Kerajaan Negeri mengambil maklum dan sentiasa peka dengan keperluan kemudahan sukan termasuk kompleks sukan dalam usaha untuk menaikkan martabat dan memajukan sukan di negeri ini. Namun begitu, buat masa ini, Kerajaan Negeri dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) tiada perancangan untuk membina Kompleks Sukan baru di Semenyih. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM40,000.00 kepada setiap DUN bagi projek menaiktaraf dan membaikpulih kemudahan sukan di peringkat DUN yang mana permohonan bagi projek ini boleh dikemukakan melalui Pejabat Daerah dan Tanah (PDT). Kemudahan-kemudahan ini boleh dibaikpulih untuk digunakan oleh masyarakat setempat bagi menjalankan aktiviti riadah dan bersukan dalam usaha untuk mewujudkan masyarakat yang aktif dan sentiasa mengamalkan gaya hidup yang sihat dan juga dijadikan sebagai tumpuan rekreasi anak muda. Berikutan, bagi DUN Semenyih, pada tahun 2018 Kerajaan Negeri telah meluluskan Projek Membaikpulih Gelanggang Takraw dan Badminton di Kampung Sungai Machang, Mukim Semenyih sebanyak RM39,962.00.

Di samping itu, pihak Kementerian pula bersedia untuk melihat semula keperluan Kompleks Sukan untuk kawasan Semenyih dan Kementerian juga amat mengalu-alukan kerjasama daripada pelbagai pihak seperti Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pihak Swasta serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam menyediakan kemudahan-kemudahan sukan di Negara ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : BALAI POLIS YANG TIDAK MEMPUNYAI PERABOT YANG
MENCUKUPI**

244. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat balai polis yang meminta sumbangan daripada ADN kerana balai mereka kekurangan perabot seperti TV dan sebagainya. Adakah Kerajaan Selangor bersedia memantau keadaan balai-balai?
- b) Sekiranya memang wujud keadaan kekurangan keperluan balai, apakah Kerajaan Selangor yang boleh membantu?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : MEMOHON PERTAMBAHAN SEKOLAH

245. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menambah jumlah sekolah dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan dibawah Kementerian berkaitan khususnya di Kota Warisan dan Bandar Bukit Puchong?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Pendidikan Negeri Selangor telah mengemukakan permohonan pembinaan bagi sekolah menengah melalui *Rolling Plan* 4 RMK-11 bagi Kota Warisan dan Bandar Bukit Puchong berdasarkan justifikasi tiada sekolah di lokasi tersebut. Permohonan ini tidak mendapat kelulusan Unit Perancang Ekonomi. Jabatan Pendidikan Negeri Selangor akan mengemukakan permohonan semula bagi kedua-dua buah sekolah ini dalam *Rolling Plan* terdekat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

TAJUK : PERANAN MASJID DAN SURAU

246. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Selangor mempunyai perancangan khusus untuk memastikan masjid dan surau menjadi institusi yang menyatukan ummah merentasi fahaman politik dan perkauman?

JAWAPAN:

- a) Bagi memastikan masjid dan surau menjadi institusi yang menyatukan ummah merentasi fahaman politik pihak MAIS dan JAIS telah mengambil langkah-langkah berikut :-
- i. Menetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Masjid Dan Surau (Negeri Selangor) 2017 agar Jawatankuasa Kariah Masjid dan Jawatankuasa Surau hendaklah memastikan masjid dan surau menjadi pusat ibadah, pusat ilmu, pusat penyatuan ummah, zon aman dan bebas dari sebarang politik kepertian.
 - ii. Mengeluarkan pemberitahuan dan pekeliling dari masa ke semasa kepada Pegawai Masjid Dan Surau agar mematuhi titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan peraturan yang berkuat kuasa.
 - iii. Mengambil tindakan terhadap mana-mana penceramah tanpa tauliah yang menimbulkan perpecahan di kalangan ahli kariah.
 - iv. Mengeluarkan surat tunjuk sebab dan mengambil tindakan tatatertib kepada mana-mana pegawai masjid yang gagal mematuhi peraturan, pekeliling dan peraturan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : RUU ENAKMEN PERKHIDMATAN DEWAN NEGERI SELANGOR

247. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Selangor akan berusaha supaya Dewan Negeri Selangor mendahului Parlimen Malaysia dalam menggubal Enakmen Perkhidmatan Dewan Negeri Selangor untuk memartabatkan institusi Dewan Negeri Selangor dan memberi kebebasan kepadanya untuk mentadbir urusan kewangan sendiri?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor akan mengikuti perkembangan dan keputusan di peringkat Persekutuan dalam melaksanakan Enakmen Perkhidmatan Dewan Negeri Selangor. Untuk makluman Kerajaan Negeri telah pun menyediakan draf Enakmen Perkhidmatan Dewan Negeri Selangor pada tahun 2009 tetapi telah ditangguhkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PENGGERAK BELIA TEMPATAN (PEBT)

248. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat PBT dan Ahli Majlis yang masih menganggapkan PeBT merupakan jawatan yang dimiliki oleh PBT dan pernah berlakunya peruntukkan PeBT digunakan oleh PBT tanpa kebenaran pengerusi PeBT. Satu SOP atau cara menyalurkan peruntukkan PeBT perlu diwujudkan demi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah menubuhkan Penggerak Belia Tempatan bermula pada tahun 2009 sebagai agen penggerak kepada pembangunan Negeri. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan program sebanyak RM120,000.00 kepada setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan program adalah sebanyak RM1,440,000.00 untuk semua PBT bagi menjalankan program-program PeBT yang telah dirancangan. Seterusnya, peruntukan elaun PeBT pula diuruskan oleh Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) dengan jumlah peruntukan adalah sebanyak RM1,324,800.00.

Sehubungan itu, Garis Panduan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) telah diwujudkan sebagai panduan kepada pengurusan dan tadbir urus PeBT yang mana garis panduan ini menerangkan konsep dan struktur PeBT dan peruntukan serta tatacara penggunaan peruntukan PeBT. Justeru itu, perkara 7 dalam garis panduan ini telah menerangkan secara jelas berhubung peruntukan. Ini bermaksud segala pengeluaran dan kaedah tatacara kewangan adalah terikat sepenuhnya pada peraturan kewangan di peringkat PBT masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT (FOI)

249. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan bilangan permohonan maklumat di bawah FOI dari tahun 2013-2018.
- b) Senaraikan bilangan aduan yang diterima daripada orang awam mengenai pelaksanaan FOI.
- c) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memperbaiki pelaksanaan FOI?

JAWAPAN:

- a) Bilangan permohonan di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 yang telah diterima dan diluluskan sepanjang pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 sejak tahun 2013 adalah sebanyak 851. Statistik permohonan mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	PERMOHONAN
2013	31
2014	142
2015	174
2016	191
2017	215
2018*	98
JUMLAH	851

*data sehingga Jun 2018

- b) Sepanjang pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat, tiada aduan yang diterima oleh orang awam berhubung dengan Enakmen Kebebasan Maklumat ini.

- c) Bagi menambah baik pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat secara menyeluruh, Pentadbiran ini akan mengambil langkah-langkah yang proaktif untuk memperkemaskan pelaksanaan Enakmen ini. Antara langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut:
- a. Mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) sekurang-kurangnya setahun sekali bersama dengan Pegawai Maklumat seluruh Negeri Selangor;
 - b. Mengadakan Bengkel Pemantapan Pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) Tahun 2011 Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dengan dihadiri oleh YB Penasihat Undang-undang Negeri dan wakil Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan; dan
 - c. Mengadakan satu sesi taklimat bersama warga kerja di jabatan masing-masing bagi memberi pendedahan secara menyeluruh tentang kesedaran pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PENGGANTIAN PEKERJA ASING DENGAN ANAK TEMPATAN

250. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri bagi mengurangkan penggunaan pekerja asing di Selangor, dengan mengalakkan lebih banyak anak tempatan bagi pengambilalihan tugas kerja pekerja asing?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil inisiatif dalam menganjurkan program - program tersebut bagi meningkatkan peluang pekerjaan di Selangor sekaligus menggalakkan lebih banyak penglibatan anak tempatan dalam sektor pekerjaan seperti berikut:

i. Program Karnival Kerjaya - Selangor Job Fair

Program Karnival Kerjaya - *Selangor Job Fair* adalah kerjasama dengan Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Job Malaysia iaitu sebuah program yang memberi peluang kepada rakyat Selangor bagi mendapatkan pekerjaan. Program ini akan dilaksanakan sebanyak dua (2) siri pada tahun 2018. *Selangor Job Fair* siri satu (1) telah diadakan pada 4 Ogos 2018 bertempat di *Shah Alam Convention Centre*, Shah Alam. Sebanyak 5,359 peluang pekerjaan telah ditawarkan dan daripada jumlah tersebut seramai 3,177 calon telah berjaya mendapat pekerjaan.

ii. Pendidikan Kemahiran dan Vokasional Percuma

Menyediakan pendidikan kemahiran dan vokasional secara percuma di Kolej INPENS bagi belia yang kurang berkemampuan tetapi masih ingin meneruskan pembelajaran tanpa mempunyai latar belakang pendidikan cemerlang. Bantuan pendidikan ini dapat melahirkan tenaga-tenaga mahir di Negeri Selangor sekaligus dapat menampung keperluan industri sejajar dengan keperluan Revolusi Industri 4.0.

iii. Program Graduate Employability and Enhancement Selangor (PROGRES)

Program *Graduate Employability and Enhancement Selangor* (PROGRES) adalah sebuah program yang diperkenalkan pada tahun

2016 untuk memberi peluang kepada belia-belia yang masih belum mendapat pekerjaan untuk menjalani latihan meningkatkan kemahiran kebolehpasaran belia khususnya di Selangor termasuk penempatan di syarikat-syarikat terpilih.

Pada tahun 2016 hingga 2017, seramai 402 peserta telah terpilih untuk menyertai PROGRESS. Daripada jumlah tersebut, seramai 347 orang peserta (86.32%) telah berjaya mendapat penempatan pekerjaan di syarikat-syarikat terpilih setelah tamat program tersebut.

iv. **Program Inisiatif Kemahiran Teknikal & Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS)**

Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) telah diperkenalkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali sewaktu Belanjawan 2018 Negeri Selangor dengan peruntukan sebanyak RM52,000,000 setahun. Kerajaan Negeri Selangor akan memberi pembiayaan kepada 2,000 belia Selangor dalam pelbagai bidang kemahiran melalui kerjasama dengan Strand Aerospace, INPENS, Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC), dan SST & Consultancy Academy. Program kemahiran ini menawarkan pelbagai latihan teknikal dan vokasional bagi memenuhi industri seperti industri aeroangkasa dan industri halal kepada belia Selangor dalam tempoh tertentu di mana setelah tamat program kemahiran ini, belia – belia ini akan diserapkan sebagai tenaga mahir di dalam pasaran industri – industri di Selangor. Inisiatif ini sekali gus dapat mengurangkan penglibatan tenaga asing di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : PENDIDIKAN PELAJAR-PELAJAR ANAK SELANGOR DI TIMUR
TENGAH, MAGHRIBI DAN JORDAN**

251. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah dasar Kerajaan Negeri untuk menghantar pelajar-pelajar bagi tujuan meneruskan pengajian ke negara-negara tersebut?
- b) Adakah program peduli Timur Tengah akan diteruskan?
- c) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk membeli bangunan baru bagi tujuan penginapan pelajar-pelajar Selangor di negara-negara tersebut?

JAWAPAN:

- a) Merujuk kepada Minit MMKN Ke 32/2018, Jabatan Agama Islam Selangor dan Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan mengkaji semula penghantaran pelajar tajaan Kerajaan Negeri ke Mesir susulan daripada bilangan pelajar Malaysia yang terlalu ramai di sana dan menyebabkan kesukaran pengurusan, pemantauan dan penyaluran kebajikan pelajar daripada pihak Kerajaan Negeri.
- b) Kerajaan Negeri Sedang mengkaji cadangan penjajaran dan pemurnian dasr bagi program-program bantuan pendidikan di bawah Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor. Ini adalah termasuk program Peduli Siswa Timur Tengah yang merangkumi Biasiswa Khas Dato' Menteri Besar Selangor dan Pinjaman Boleh Ubah Luar Negara. Kerajaan Negeri berhasrat untuk meneruskan program-program tersebut dengan pemurnian dasar bermula pada tahun 2019.
- c) Kerajaan Negeri masih dalam pertimbangan untuk meneliti keperluan bagi membeli bangunan baru di Timur Tengah

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PERUNTUKAN SEKOLAH RENDAH AGAMA

252. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peruntukan untuk sekolah rendah agama di Negeri Selangor dari 2017-2018?
- b) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan menaiktaraf Sekolah KAFA kepada Sekolah Rendah Agama? Dan berapakah bilangan yang telah dinaiktaraf.

JAWAPAN:

- a) Peruntukan bagi Sekolah Rendah Agama di Negeri Selangor adalah merangkumi peruntukan bagi pembinaan bangunan baru dan baikpulih bangunan sedia ada. Jumlah peruntukan tersebut bagi tahun 2017 & 2018 adalah seperti berikut:

TAHUN	PEMBINAAN BARU (RM)	BAIKPULIH & NAIK TARAF (RM)
2017	17,750,961.39	6,720,000.00
2018	26,873,424.50	4,900,000.00
	44,624,385.89	11,620,000.00

- b) Kerajaan Negeri akan menaiktaraf dari sekolah KAFA sekiranya telah mendapat peruntukan dalam Rancangan Malaysia (RMK) tertentu. Pelan tahun 2017-2018 sebanyak 2 buah sekolah rendah agama telah didirikan untuk menggantikan sekolah KAFA:-
 - i. SRA Bandar Country Home Rawang
 - ii. SRA Denai Alam

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : BANTUAN KEPADA SEKOLAH RENDAH

253. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah bantuan kepada SRK, SRJKC dan SRJKT dari 2016-2018.
- b) Nyatakan jumlah permohonan bantuan yang ditolak pada tahun 2018.

JAWAPAN:

- a) Jumlah bantuan kepada SRK, SRJKC dan SRJKT dari tahun 2016 sehingga tahun 2018 adalah seperti berikut :

JENIS SEKOLAH	JUMLAH BANTUAN			
	TAHUN 2016	TAHUN 2017	TAHUN 2018	JUMLAH
SRK	–	–	–	–
SRJKC	RM6,000,000.00	RM6,990,000.00	RM7,823,000.00	RM20,813,000.00
SRJKT	RM4,000,000.00	RM4,663,000.00	RM4,570,000.00	RM13,233,000.00

- b) Jumlah permohonan yang ditolak pada tahun 2018 adalah sebanyak 66 buah sekolah yang tidak mendapat kelulusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PENGGANTIAN CUKAI GST KEPADA SST

254. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kesan penggantian cukai GST kepada SST kepada Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Berapakah jumlah kehilangan yang ditanggung oleh penggantian cukai tersebut kepada Kerajaan Negeri.

JAWAPAN:

- a) Seperti mana sedia maklum, Kerajaan Persekutuan menerusi Parlimen Malaysia telah meluluskan pemansuhan Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST) menerusi Akta Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018. Selanjutnya, Kerajaan Persekutuan memutuskan untuk melaksanakan Cukai Jualan Dan Cukai Perkhidmatan (SST) bagi menggantikan cukai GST mulai 1 September 2018 berdasarkan Akta Cukai Jualan 2018 (Akta 806) dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (Akta 807).

Secara amnya, Kerajaan Negeri menerima kesan yang amat positif susulan dengan pemansuhan cukai GST dan pengenalan cukai SST. Kesan yang positif ini dapat dilihat secara perbandingan menerusi kenaikan dan pengecualian cukai output terhadap perolehan kerajaan semasa era GST dan selepas pelaksanaan cukai SST seperti berikut:-

Jadual 1 : Kenaan Cukai GST Terhadap Perolehan Kerajaan

Kategori Perolehan	Perolehan Barangan (<i>Supply</i>)	Perolehan Perkhidmatan (<i>Services</i>)	Perolehan Kerja (<i>Works</i>)
Kadar Kenaan Cukai	6%	6%	6%
Pengecualian	Diberikan pengecualian menerusi pengeluaran <i>Certificate of GST</i>	Tiada Pengecualian	Tiada Pengecualian

	<i>Relief (CoGSTR)</i>		
--	------------------------	--	--

Jadual 2 : Kenaan Cukai SST Terhadap Perolehan Kerajaan

Kategori Perolehan	Perolehan Barangan (<i>Supply</i>)	Perolehan Perkhidmatan (<i>Services</i>)	Perolehan Kerja (<i>Works</i>)
Kadar Kenaan Cukai	10%	6%	6%
Pengecualian	Diberikan pengecualian menerusi pengeluaran Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018	Tiada Pengecualian	Dikeluarkan dari skop percukaian (Tidak tertakluk kepada cukai)

Selain dari itu, agensi Kerajaan Negeri seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak lagi berkewajipan dari segi undang-undang untuk mendaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sebagai agen kutipan cukai input. Malah, agensi-agensinya ini turut diberi layanan kenaan dan pengecualian cukai output yang serupa dengan Jabatan Negeri.

Secara ringkasnya, Kerajaan Negeri mendapat manfaat dari pengecualian cukai yang lebih luas menerusi pelaksanaan cukai SST berikutan pembelian barangan (*supply*) layak mendapat pengecualian menerusi Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 manakala perolehan kerja (*works*) dikecualikan terus dari skop percukaian. Layanan kenaan dan pengecualian cukai ini dijangka menjimatkan peruntukan Kerajaan Negeri kira-kira RM 80 juta setahun berbanding era pelaksanaan GST.

- b) Berdasarkan kepada fakta dan keterangan di atas, Kerajaan Negeri tidak menanggung sebarang kehilangan atau kerugian dari pelaksanaan cukai SST

malah mendapat manfaat jangka panjang yang amat signifikan menerusi penjimatan dalam perolehan kerajaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : EKONOMI

255. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kenapakah PKNS menolak pembinaan MRO- di Hulu Selangor yang melibatkan jumlah pelaburan rm5.9 billion?
- b) Adakah Kerajaan Negeri tahu pembinaan tersebut boleh mewujudkan 30,000 peluang pekerjaan?
- c) Kenapa Kerajaan Negeri menolak peluang pendapatan hasil yang boleh menjana pendapatan kasar rm3 billion setahun?

JAWAPAN:

Soalan (a), (b) dan (c) dijawab bersekali:-

PKNS secara umumnya amat mengalukan-alukan sebarang cadangan pelaburan pembangunan yang berbentuk 'catalyst' dan berimpak tinggi di Bernam Jaya. Pembangunan MRO dan seumpamanya dilihat bukan sahaja mampu untuk memangkin aktiviti ekonomi sekitar malah akan dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan, menambah hasil pendapatan Negeri di samping memberi limpahan pembangunan infrastruktur dan hartanah yang lebih mapan untuk kawasan sekitar utara Negeri Selangor.

PKNS telah menerima cadangan pembangunan 'Bernam International Airpark' (BIA) yang melibatkan pembangunan MRO di Bernam Jaya sejak Ogos 2011 iaitu ketika syarikat Redland Aviation Services Sdn. Bhd. (Redland) menyatakan hasrat untuk melaksanakan pembangunan tersebut melalui cadangan pembelian tanah seluas 2,044 ekar. Walaupun kelulusan telah diberikan terhadap cadangan pembelian tanah tersebut namun pihak Redland gagal untuk melunaskan bayaran pembelian tanah dalam tempoh yang ditetapkan dan ini menyebabkan PKNS terpaksa membatalkan tawaran penjualan.

Cadangan pembangunan BIA tersebut kemudiannya diteruskan oleh syarikat Awan Mega Sdn. Bhd. pada Oktober 2013. Pihak Awan Mega telah mengemukakan hasrat untuk membeli tanah berkeluasan sama (2,044 ekar) untuk

pembangunan BIA. Lanjutan itu, Awan Mega pada Ogos 2016 telah mengemukakan permohonan baru untuk membeli 3,992 ekar (tambahan 1,948 ekar dari keluasan asal) tanah untuk pembangunan BIA.

Memandangkan cadangan pembangunan yang dikemukakan adalah berskala besar dan memberi impak kepada Negeri dan Negara, pada Julai 2014 PKNS telah memohon Awan Mega mengemukakan dokumen sokongan seperti berikut :

- (i) Kelulusan dan lesen penuh dari Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)
- (ii) Menunjukkan Bukti Pembiayaan (Proof of Fund) dari Institusi Kewangan
- (iii) Menaikkan nilai Modal Berbayar (Paid-up Capital) dan Modal Dibenarkan (Authorized Capital) dari RM2,000.00 kepada RM120 juta (mewakili 30% dari Jumlah Harga Jual Tanah)

PKNS turut mengambil inisiatif dengan mengadakan pertemuan bersama wakil pegawai Jabatan Penerbangan Awam (DCA) iaitu Pengarah Bahagian Standard Lapangan Terbang pada 21 Ogos 2017 di Putrajaya. Pihak DCA mengambil maklum terhadap permohonan pembangunan 'airpark' tersebut di Bernam Jaya. Bagaimanapun, pihak DCA dan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah mensyaratkan Awan Mega untuk mengemukakan laporan kajian fesibiliti dan lain-lain dokumen.

Sehingga Oktober 2017, pihak Awan Mega tidak dapat mengemukakan sebarang dokumen yang diperlukan dan juga tidak dapat memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh DCA dan Kementerian Pengangkutan Malaysia. Dengan itu, PKNS sekali lagi terpaksa menolak cadangan penjualan tanah di Bernam Jaya kepada Awan Mega Sdn. Bhd.

Walaupun bagaimanapun, PKNS masih lagi terbuka sekiranya terdapat sebarang cadangan untuk membangunkan pusat MRO di kawasan Bernam Jaya. Namun, PKNS berharap agar cadangan seumpama ini dapat dikemukakan dari syarikat yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang penerbangan, mempunyai sokongan kewangan yang kuat serta kepakaran di dalam bidang 'aviation'. Ini bagi memastikan pembangunan berimpak tinggi dapat dilaksanakan dengan jayanya dan pendedahan risiko yang minimum kepada PKNS dan Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : PENAMBAHAN PROGRAM DAN KEMUDAHAN BAGI RANCANGAN
PROGRAM PENDIDIKAN KHAS**

256. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Keadaan program pendidikan khas agak dalam Negeri Selangor seakan terbantut. Sejauh mana fokus Kerajaan Negeri dalam membantu meningkatkan, menaikkan taraf dan menyediakan prasarana baharu dalam memastikan pendidikan Murid Berkeperluan Khas terjamin?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri tidak pernah meminggirkan golongan kanak-kanak atau murid berkeperluan khas untuk mendapatkan pembelajaran yang bersesuaian di samping meningkatkan, menaikkan taraf dan menyediakan prasarana yang baharu dalam memastikan pendidikan mereka terjamin.

Pada tahun ini, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM3 juta untuk dimanfaatkan oleh institusi yang menyediakan perkhidmatan dan pembelajaran untuk kanak-kanak berkeperluan khas dengan bantuan bagi membiayai kos yuran pengajian, perkhidmatan terapi, kos penambahbaikan, kos operasi, menaikkan taraf kemudahan dan lain-lain. Secara tidak langsung melalui pemberian bantuan ini, institusi berkenaan dapat menampung dan membuat penambahbaikan ke atas keperluan kanak-kanak istimewa dalam usaha memupuk dan membimbing mereka untuk meneruskan pembelajaran di bidang akademik, kehidupan seharian dan kemahiran bersosial serta perkembangan emosi.

Selain itu, antara langkah lain yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri adalah dengan mewujudkan Majlis Tindakan OKU Selangor (MTOS) yang berperanan untuk mengusulkan, membawa dan membangunkan program dan strategi berkesan di dalam usaha menjamin kebajikan, pendidikan dan akses kesihatan kepada OKU dengan mencari jalan penyelesaian kepada isu-isu semasa dan berbangkit yang berkaitan dengan hal ehwal OKU. Antara fungsi lain MTOS adalah untuk meningkatkan advokasi dengan kempen positif tentang kesedaran dan hak yang dianjurkan secara besar-besaran untuk menyedarkan masyarakat

tentang isu-isu penting berkenaan dengan OKU seperti kepentingan program intervensi awal (*Early Intervention Programme (EIP)*), kepentingan memberi pendidikan inklusif dan menggalakkan institusi menerima OKU untuk bekerja dengan peningkatan kerjasama antara kerajaan dan pihak swasta (*public-private partnership*).

Kerajaan Negeri juga sedang merangka untuk mewujudkan Bantuan Khas Anak Istimewa Selangor (AnIS) bagi membantu mengurangkan beban keluarga yang mempunyai anak-anak OKU dalam mendapatkan pemulihan dan pendidikan yang sempurna dari peringkat awal usia.

Kerajaan Negeri juga dalam tindakan untuk menyediakan kursus kepada *Shadow Teacher* atau lebih dikenali sebagai “Cikgu AnIS” (Anak Istimewa Selangor) yang memberi kemahiran dalam mengendalikan anak-anak berkeperluan khas. Ahli-ahli yang Berhormat sekalian, pada masa kini, penerimaan taska sedia ada terhadap golongan anak-anak berkeperluan khas masih berkurangan dan sekali gus menjadi dilema kepada ibu bapa untuk menghantar anak-anak istimewa ke institusi yang menyediakan kemudahan dan pendidikan yang diperlukan oleh anak-anak mereka.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri dalam tindakan merangka sebuah program khas yang dikenali sebagai Cikgu AnIS iaitu penyediaan *shadow teachers* yang akan dilengkapi kemahiran dalam mengendalikan anak-anak berkeperluan khas di taska-taska sedia ada di seluruh Selangor.

Selaras dengan objektif iaitu untuk memberikan pendedahan dan kesedaran mengenai aksesibiliti pendidikan awal kepada kanak-kanak berkeperluan khas, program Cikgu AnIS ini diharapkan mampu membina ruang pergaulan yang lebih inklusif di antara anak-anak yang normal dan istimewa serta mengubah perspektif dan stigma masyarakat terhadap golongan istimewa ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : ELAUN AJK MASJID, SURAU

257. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dengan penambahan beban tugas kepada Nazir, AJK masjid dan surau solat Jumaat, adakah Kerajaan Selangor berhasrat menambah elaun mereka?

JAWAPAN:

- a) Ya, namun bergantung kepada keupayaan kewangan Kerajaan Negeri.

Ketika ini Kerajaan Negeri Selangor hanya membiayai tambahan elaun Imam-imam Kariah berjumlah RM 450.00 sebulan bagi 750 imam yang dilantik dengan implikasi perbelanjaan tahunan berjumlah RM 4,050,000. Elaun ini adalah sebagai tambahan kepada elaun Imam yang telah diberi oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berjumlah RM 850.00 bagi seorang imam.

Kerajaan Negeri juga telah memberikan insentif khas kepada Nazir-Nazir Masjid berjumlah RM 500.00, Pengerusi Surau RM 300.00 dan Siak Masjid dan Siak Surau juga masing-masing menerima RM 300.00. Sebanyak RM 1,638,300.00

Lembaga Zakat Selangor (LZS) juga telah memberi elaun bulanan berjumlah RM 1,380.00 kepada Pegawai dan beberapa orang ahli jawatankuasa masjid kariah seperti pecahan berikut :-

Nazir	-	RM 200.00
Timbalan Nazir	-	RM 100.00
Setiausaha	-	RM 100.00
Bendahari	-	RM 100.00
Bilal 1	-	RM 290.00
Bilal 2	-	RM 200.00
Siak 1	-	RM 240.00
Siak 2	-	RM 150.00
JUMLAH	-	RM 1380.00

Selain daripada itu, Lembaga Zakat juga memberi **sagu hati tahunan** kepada 11 orang ahli jawatankuasa masjid kariah sebanyak RM 2,200.00 seperti pecahan berikut:

Ahli Jawatankuasa (6 orang)	-	RM 200.00 seorang
Penolong Setiausaha	-	RM 200.00
Wakil Pemuda	-	RM 200.00
Wakil Wanita	-	RM 200.00
Pemeriksa Kira-kira (2 orang)	-	RM 200.00 seorang
JUMLAH	-	RM 2,200.00

Bilangan keseluruhan Pegawai dan ahli jawatankuasa masjid kariah ketika ini di Negeri Selangor adalah berjumlah 7,875 orang. Manakala jumlah ahli jawatankuasa surau adalah berjumlah 30,975 orang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : MEMBUKA TANAH NEGERI UNTUK MENJALANKAN KEGIATAN
PERTANIAN**

258. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pertanian bermanfaat dan penting untuk Selangor. Adakah kita bercadang membuka tanah negeri kepada anak Selangor untuk menjalankan kegiatan pertanian?

JAWAPAN:

- a) Berkaitan pertanyaan untuk membuka tanah negeri kepada anak Selangor untuk menjalankan kegiatan pertanian, setakat ini tiada cadangan daripada Kerajaan Negeri berkaitan perkara itu. Namun begitu, Kerajaan Negeri boleh menimbang dan meluluskan permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) untuk kegunaan pertanian (tanaman kontan) selaras dengan Pekeliling PTGS Bil. 4 Tahun 2015. Selain itu, kaedah pajakan tanah di bawah Seksyen 63 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 bagi tanah yang telah diwartakan juga boleh dipertimbangkan kepada individu yang ingin mengusahakan aktiviti pertanian dengan dikenakan premium sebanyak sepuluh (10) peratus dari nilai tanah semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : KUALITI AIR SUNGAI

259. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sebagai satu usaha untuk melestarikan sumber air Selangor, kualiti air sungai perlu dipertingkatkan. Apakah usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan serta dan keberkesannya untuk mempertingkatkan kualiti air sungai di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk dibekalkan kepada rakyat Negeri Selangor. Pelbagai usaha telah diambil untuk mengimbangkan pembangunan yang pesat dan penjagaan sumber air.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah mewartakan semua 7 empangan di Negeri Selangor di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999. Selain itu, sejumlah 105 batang sungai kini turut telah melalui proses pewartaan rizab sungai di bawah peruntukan yang sama. Tujuan pewartaan ini adalah untuk melindungi sungai dan rizab sungai daripada gangguan sama ada dari aspek kuantiti, kualiti dan persekitarannya.

Pemantauan berkala dilaksanakan oleh LUAS bersama agensi berkaitan secara bersepadu bagi memastikan sumber air dan kawasan tadahannya terpelihara daripada aspek kualiti dan kuantitinya.

Penguatkuasaan perundangan yang diperuntukkan juga dilaksanakan secara holistik dalam penjagaan sumber air, antaranya :

- i. Pelesenan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor),
- ii. Pelaksanaan Kebenaran Bertulis bagi Aktiviti Pengubahan Sumber yang melibatkan sumber air, dan
- iii. Pengeluaran Notis Pemberitahuan Kesalahan, Kompaun dan pendakwaan bagi setiap kesalahan yang berkaitan dengan sumber air.

Maklumat tambahan

Selain itu, kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dijalankan bagi isu-isu pencemaran lain melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu:

- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai dan Pantai Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri,
- ii. Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Selangor, yang dipengerusikan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); dan

Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DALAM DUN TERATAI

260. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan Institusi pengajian tinggi yang berada dalam Dun Teratai.
- b) Jika tiada, adakah Kerajaan Negeri merancang mewujudkan Institusi Pengajian tinggi memandangkan terdapat banyak sekolah menengah dalam dun Teratai?

JAWAPAN:

- a) Pentadbiran ini tiada maklumat terperinci berkenaan Institut Pengajian Tinggi di DUN Teratai. Walau bagaimana pun terdapat 5 institusi pengajian tinggi (IPT) utama yang berada di daerah Hulu Langat seperti berikut :

BIL	NAMA	ALAMAT	IPT
i.	Universiti Kebangsaan Selangor (UKM)	Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi, Selangor Malaysia	IPTA
ii.	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)	Km. 7, Jalan Kajang - Puchong, Kajang 43009 Hulu Langat, Selangor	IPTS
iii.	Universiti Nottingham Malaysia	Jalan Broga, 43500 Semenyih, Selangor, Malaysia	IPTS
iv.	Kolej Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (KLIUC)	Taman Ilmu Ikram, Jalan Serdang Kajang 43000 Hulu Langat Selangor	IPTS
v.	<i>German-Malaysian Institute (GMI)</i>	43600, Jalan Ilmiah, Taman Universiti, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia	IPTS

- b) Pada masa ini Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk mewujudkan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tersebut, walau bagaimana pun, dicadangkan lepasan sekolah boleh memohon untuk menyambung pengajian di IPT yang berhampiran dengan DUN Teratai atau di dalam Negeri Selangor.